

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBRS. PROFESOR DR. AZLINDA AZMAN

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Sempena

**MAJLIS PENGANUGERAHAN
ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU)
TAHUN 2022**

04 JANUARI 2024 (KHAMIS)

WYNDHAM ACMAR KLANG HOTEL

Bismillahirrahmanirahim,

Terima Kasih kepada Pengacara Majlis.

- **Yang Berbahagia Profesor Datin Dr. Suzana Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- **Yang Berusaha Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin**
Pendaftar UiTM
- **Yang Berusaha Encik Wan Hasmadi Wan Mohamed**
Bendahari UiTM

- Barisan Penolong Naib Canselor ;
- Dekan – Dekan ;
- Rektor – Rektor ;
- Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA)
- Presiden Persatuan Akademik Universiti Teknologi MARA (UTIMAS)
- Panel Penilai Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2022 ;
- Calon Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2022 ;
- Serta para hadirin yang dihormati.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis Penganugerahan Anugerah Akademik Universiti (AAU) UiTM bagi tahun 2022.

2. Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada UiTM, di atas ruang yang

disediakan untuk saya bersama-sama di sini, seterusnya merasmikan Majlis Penganugerahan AAU Tahun 2022.

3. Tahniah juga kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di bawah seliaan YBhg. Profesor Datin Dr. Suzana Sulaiman, kerana telah berjaya mengadakan penganugerahan ini. Saya difahamkan AAU kali ini merupakan kali ke-13 dianjurkan di peringkat UiTM yang bertujuan meraikan kecemerlangan para akademia. Tahniah diucapkan sekali lagi.

Para hadirin yang dihormati,

3. Saya didimaklumkan sebanyak **157** pencalonan telah diterima bagi keseluruhan **17** anugerah yang dipertandingkan. Tahniah kepada semua calon yang tidak dapat dinafikan semuanya hebat-hebat belaka.

4. Syabas saya ucapkan atas kecemerlangan yang ditunjukkan oleh para pensyarah tidak kira di kampus mana anda berkhidmat, sama ada di kampus Shah Alam, dari kampus Perlis hingga ke Kampus Sabah.

5. Satu mesej yang jelas menunjukkan bahawa UiTM telah mempunyai *talent pool* yang luas dan besar untuk menggapai kecemerlangan berganda seiring dengan aspirasi UiTM ke arah Global Renowned University 2025 (GRU2025).

6. Melalui platform AAU, kita berupaya menilai kebolehan dan keupayaan para ahli akademik mengikut aspek-aspek penting yang telah menjadi tunjang utama kepada penganjuran Anugerah Akademik Universiti. Tambahan, melalui AAU juga, UiTM boleh menitipkan DNA UiTM agar dirujuk dan diiktiraf pada peringkat global.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Seperti yang semua sedia maklum, nama-nama pemenang AAU akan diangkat ke peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), sebagai calon bagi Anugerah Akademik Negara (AAN). Telah ramai yang dicalonkan ke peringkat AAN dan berjaya memenangi anugerah dalam pelbagai kategori. Insyallah, pada kali ini, UiTM boleh mengambil peluang yang sama dengan strategi yang bersesuaian agar nama UiTM dapat diangkat sebagai pemenang di peringkat negara.

8. Setiap kecemerlangan dan kejayaan yang dicapai oleh para pensyarah UiTM, sekaligus akan melonjakkan aspirasi Universiti untuk lebih 'dikenali' (Recognized), 'dihormati' (Respected) dan 'diteladani' (Referred).

9. Pada masa yang sama, tuan-tuan dan puan-puan dapat menyumbang peranan dalam meneruskan matlamat asal penubuhan UiTM sebagai sebuah universiti khusus untuk kaum Melayu dan bumiputera yang juga merangkumi anak-anak Negeri Sabah dan Sarawak, yang diperkasakan dengan penyesuaian pengantaran ilmu yang menepati keperluan semasa.

10. Insya-Allah, segala yang kita telah usahakan ini akan mendapat rahmat daripada Allah SWT. Sebelum akhiri ucapan ini, sekali lagi, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi TAHNIAH kepada semua yang terlibat dalam menjayakan AAU.

11. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya merasmikan **Majlis Penganugerahan Anugerah Akademik Unversiti UiTM bagi Tahun 2022.**

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.